

# **BAHASA PANTANG LARANG MASYARAKAT MELAYU DAN HUBUNGANNYA DENGAN PRINSIP RELEVANS KOGNITIF DAN PRINSIP RELEVANS KOMUNIKATIF**

**(LINGUISTICS TABOO AMONGST MALAYS AND ITS  
RELATIONSHIP WITH COGNITIVE PRINCIPLE OF RELEVANCE  
AND COMMUNICATIVE PRINCIPLE OF RELEVANCE)**

Nur Diyana Binti Zamani  
Hasmidar Bt Hassan  
Akademi Pengajian Melayu  
Universiti Malaya

## **Abstrak**

Pantang larang merupakan satu bentuk bahasa yang sering digunakan oleh masyarakat terdahulu sebagai suatu bentuk peraturan lisan yang harus diterima oleh masyarakat sebagai satu dogma dalam kehidupan sehari-hari. Bahasa pantang larang ini terhasil daripada kepercayaan masyarakat dahulu kala berdasarkan pengamatannya terhadap alam sekitar dan kejadian alam yang bersifat ‘sebab dan akibat’. Jika bahasa pantang larang tersebut dilanggar, seseorang individu itu dikhuatiri akan menerima kecelakaan atau ditimpakan perkara yang buruk. Kajian tentang penggunaan bahasa pantang larang sebelum ini tertumpu pada aspek fungsi ataupun tujuan penggunaan bahasa pantang larang dan penggunaan bahasa pantang larang sebagai gambaran kebijaksanaan minda dan akal budi orang Melayu. Namun, kajian tentang kenapa dan atas dasar apakah bahasa pantang larang tersebut dihasilkan dan digunakan dalam kalangan masyarakat Melayu nyata masih belum dikaji oleh mana-mana pengkaji.

Bagi menjawab persoalan ini, maka kertas kerja ini mengetengahkan satu perbincangan bagi menjelaskan bahawa penghasilan bahasa pantang larang ini bukanlah sewenang-wenangnya sebaliknya didasari oleh dua idea utama teori Relevans, iaitu prinsip relevans Kognitif dan prinsip relevans Komunikatif. Bahasa pantang larang yang dihasilkan oleh masyarakat Melayu dahulu ternyata merupakan bentuk bahasa yang bersifat menonjol ataupun nyata (*salient*) dan dijangkakan dapat menarik perhatian pendengar. Apabila bahasa pantang larang ini dapat menarik perhatian pendengar atas sebab cirinya yang menonjol (*salient*) ini, maka fungsinya untuk menasihati dan membentuk peribadi masyarakat yang mendukung nilai-nilai murni, beradab dan bertatasusila akan dapat dilaksanakan dengan mudah.

**Kata kunci:** pantang larang, teori Relevans, prinsip relevans Kognitif, prinsip relevans komunikatif, dan ostensif.

### *Abstract*

*Linguistic taboo is a form of language commonly used by societies in the past as verbal rules to be accepted as dogma in daily life. Linguistic taboo was formed by a society's beliefs based on their observations of the environment and its causative nature. If a linguistic taboo is violated, disaster or bad things may befall the individual. Past research on the usage of linguistic taboo focused on the function or purpose of the language usage, and the usage as a reflection of the wisdom and intellect of the Malays. However, research on why a linguistic taboo was created and used by past societies have yet to be done. Therefore, this paper aims to explain that the creation of linguistic taboo is not an arbitrary decision, but one based on two main ideas of the Relevance theory: the Cognitive Principle of Relevance, and the Communicative Principle of Relevance. Linguistic taboos of past Malays societies constituted aspects of language that were clearly evident and meaningful to its speakers. When the characteristics of a language are meaningful to its speakers, then its advisory function to help form a moral and civilized society is more effective.*

**Keywords:** *Linguistics taboos, Relevance theory, cognitive relevance principle, communicative relevance principle and ostensiblly.*

## Pendahuluan

Masyarakat Melayu merupakan masyarakat yang sangat menitikberatkan nilai kesantunan dan adab tingkah laku. Hal ini dapat dilihat melalui penggunaan bahasa pantang larang dalam kehidupan sehari-hari mereka. Bahasa pantang larang merupakan salah satu warisan budaya masyarakat Melayu tradisional yang amat tinggi nilainya. Bahasa pantang larang misalnya, dikatakan satu daripada warisan seni budaya bangsa yang telah berakar umbi dalam kehidupan masyarakat Melayu sejak zaman berzaman (Habsah Mohd Noordin, 2005:1). Menurut Habsah, terdapat banyak bahasa pantang larang yang diamalkan oleh masyarakat Melayu tradisional dan hal ini telah wujud sejak zaman dahulu dan tercipta hasil pegangan kepercayaan masyarakat Melayu tradisional terhadap adab dan tingkah laku yang sopan santun dan berbudi pekerti warisan nenek moyang pada ketika itu. Jelas Saidatul Nornis et al (dlm. Radik Taim, 2013:9), bahasa pantang larang juga merupakan satu “disiplin lisan” yang terkandung dan diamalkan oleh sebahagian besar masyarakat Melayu dahulu hingga kini. Hal ini kerana kebanyakan bahasa pantang larang diturunkan secara turun-menurun melalui lisan.

Bahasa pantang larang yang digunakan oleh masyarakat Melayu meliputi aspek sosial dan ekonomi masyarakat Melayu tradisional. Kewujudan bahasa pantang larang ini bertujuan untuk membuat teguran ataupun menasihati seseorang secara tidak langsung. Dengan menggunakan bahasa pantang larang ini, ia bukan sahaja dapat memberikan teguran secara halus malahan dapat menjaga air muka individu tersebut. Menurut Rahim Syam dan Norhale (1985:54), perkataan pantang membawa maksud tegahan daripada melakukan sesuatu kerana ia dipercayai akan membawa akibat yang buruk. Pantang larang merupakan sesuatu yang tidak dipersetujui oleh sesebuah kumpulan masyarakat tentang perkara yang dianggap sumbang pada mata mereka (Sabariah Abdullah, 2005:10). Pada dasarnya, penggunaan pantang larang ini mempunyai sebab musababnya yang tertentu dan tujuannya yang paling utama adalah untuk mendidik dan menjaga keselamatan setiap anggota masyarakat tersebut.

Oleh sebab kewujudan bahasa pantang larang sangat berkait rapat dalam kehidupan masyarakat Melayu dan sangat diberikan perhatian,

maka ramai pengkaji tertarik untuk mengkaji aspek bahasa pantang larang ini. Antara kajian tentang bahasa pantang larang yang telah dilakukan ialah kajian oleh Ani Haji Omar (2014) iaitu ‘Pantang Larang Dalam Kalangan Orang Melayu’. Beliau mendapati bahawa bahasa pantang larang ini mencerminkan pemikiran masyarakat Melayu terdahulu yang sangat kreatif. Seterusnya kajian yang dilakukan oleh Abd. Naddin Hj. Shaiddin et. al (2014), iaitu ‘Adat Resam dan Pantang Larang Masyarakat Sabah’ mengetengahkan nilai-nilai murni yang terkandung dalam bahasa pantang larang.

Walaupun ada kajian yang dilakukan tentang bahasa pantang larang, namun kajian tersebut tertumpu pada aspek bahasa pantang larang sebagai cerminan pemikiran masyarakat Melayu dan akal budi orang Melayu serta nilai-nilai murni yang terdapat dalam bahasa pantang larang. Belum ada kajian yang meneliti sebab atau prinsip-prinsip yang mendasari pemilihan kod atau simbol bahasa bahasa pantang larang tersebut. Oleh itu, kajian ini diketengahkan dengan tujuan untuk menganalisis dengan lebih lanjut apakah sebab atau apakah prinsip-prinsip yang mendasari penciptaan bahasa pantang larang yang digunakan oleh masyarakat Melayu. Dengan menggunakan pendekatan pragmatik, kajian ini diharapkan dapat membuktikan secara objektif dan empiris mengapa bahasa pantang larang tersebut berhasil sedemikian. Kajian ini diharapkan dapat memberikan maklumat dan ilmu yang lebih jelas tentang bagaimana dan kenapa sesebuah bahasa pantang larang tersebut tercipta sedemikian rupa. Justeru itu, bagi menjawab persoalan kajian ini, kajian ini dicerakim dengan menggunakan teori Relevans yang digagaskan oleh Sperber & Wilson (1995).

Secara ringkas, kajian ini hanya tertumpu pada aspek bentuk bahasa pantang larang dalam masyarakat Melayu. Sumber data bagi kajian ini ialah buku yang bertajuk *Pantang Larang Orang Melayu Tradisional (Siri Budaya Utusan)*’ karya Wan Ramli Wan Muhammad & Hanapi Dollah (1999). Buku ini dipilih sebagai sumber data kajian kerana ia merupakan himpunan bentuk bahasa pantang larang yang dibukukan. Tiada sumber lain dalam bentuk bercetak selain buku di atas. Oleh sebab buku ini merupakan satu-satunya buku yang mendokumentasikan bahasa pantang larang secara bertulis, maka teks ini dipilih sebagai sumber kajian.

## **Objektif Kajian**

Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk mengelaskan bentuk-bentuk bahasa pantang larang mengikut kategori tertentu, mengenal pasti tujuan bahasa pantang larang yang digunakan dan menjelaskan sebab atau prinsip-prinsip yang mendasari penciptaan bahasa pantang larang.

## **Definisi Konsep**

Bagi memahami konsep dan maksud beberapa istilah yang diguna pakai dalam penyelidikan ini, definisi konsep beberapa istilah penting yang harus difahami dengan lebih jelas diberikan dalam penulisan ini.

## **Pragmatik**

Menurut Leech dlm. Sumalan, Sri Pamungkas & Ratna (2017:1), pragmatik merupakan salah satu bidang linguistik yang mempunyai peranan cukup penting dalam komunikasi. Dengan memahami dan menguasai pragmatik, seseorang akan memahami struktur fungsional yang berkaitan dengan struktur formal (gramatika) iaitu sebuah bahasa yang berfungsi di dalam komunikasi. Fungsi sebenar bahasa adalah sebagai komunikasi iaitu alat untuk menyampaikan berbagai maksud dan juga maklumat dan akan lebih difahami dengan cara mempelajari dan menguasai bidang pragmatik. Tambahan menurut beliau secara lebih tegas menyatakan bahawa seseorang itu tidak akan memahami sifat sebenar bahasa jika tidak memahami pragmatik, iaitu penggunaan bahasa di dalam komunikasi.

Ruang lingkup atau cakupan kajian pragmatik sangat luas. Topik apa pun yang berkaitan dengan penggunaan bahasa dapat dikaji secara pragmatik. Kajian pragmatik ini dapat membantu pendengar atau pembaca mendapatkan makna sebenar melalui penginterpretasian makna yang melibatkan prinsip-prinsip tertentu misalnya seperti dalam teori Relevans yang digagaskan oleh Sperber & Wilson (1995).

## Pantang Larang

Pantang larang merupakan kata majmuk yang berasal daripada perkataan ‘pantang’ dan ‘larang’. Menurut Siti Hajar Abdul Aziz (2008:340-341), ‘pantang’ bermaksud tegahan daripada melakukan sesuatu kerana dipercayai akan membawa kesan yang buruk. Oleh itu, dapat dilihat bahawa kewujudan bahasa pantang larang dalam masyarakat Melayu bertujuan melarang seseorang individu atau masyarakat itu daripada melakukan perbuatan yang tidak elok atau tidak sopan. Perkataan “*larang*” pula, menurut beliau bermaksud tegahan daripada melakukan sesuatu perkara atas dasar kuat kuasa undang-undang atau peraturan, sama ada yang bertulis atau tidak. Melalui sistem undang-undang dalam masyarakat itu sendiri, hukuman akan dikenakan jika terdapat individu atau masyarakat yang melanggar undang-undang yang telah ditetapkan. Oleh itu, individu atau masyarakat akan sentiasa mengawal diri daripada melakukan sesuatu perkara atau tindakan yang menyalahi undang-undang.

Gabungan kedua-dua kata majmuk tersebut menghasilkan satu maksud yang membawa erti yang sama jika dilihat daripada makna setiap satu perkataan itu. Bahasa pantang larang juga boleh merujuk satu sistem peraturan dalam hidup atau undang-undang. Menurut Nor Hayati Mohd Shaharin (2008:134), pantang larang ialah sebagaimana adat dan memainkan peranan penting. Sekiranya sesuatu pantang larang dilanggar, sama ada dari segi perkataan atau perbuatan ia akan mendatangkan akibat yang buruk ke atas diri individu berkenaan atau masyarakat keseluruhannya. Selain itu, menurut beliau juga, pantang larang merupakan alat kawalan sosial sesebuah masyarakat yang sewajarnya dipelajari dan diamalkan oleh setiap golongan masyarakat serta diperturunkan dari satu generasi ke generasi yang baharu. Di samping itu juga, bahasa pantang larang haruslah dikekalkan kerana melambangkan idea pemikiran masyarakat Melayu yang kreatif dan imaginatif dalam merangka satu peraturan hidup dalam kalangan masyarakatnya.

## Bentuk Kata atau Bentuk Bahasa

Bentuk kata ialah satu unit bahasa yang mengandungi makna dan terdiri daripada satu atau lebih morfem. Umumnya kata terdiri dari satu kata

akar atau dengan imbuhan yang ditambahkan pada sebuah kata. Imbuhan ialah morfem terikat yang digunakan dalam bentuk dasar untuk membentuk kata. Gabungan kata-kata dapat membentuk frasa, klausa, atau ayat.

Seterusnya, merujuk kepada bentuk bahasa pula Charles Hockett dlm. Yahya Othman (2005:9), menyatakan bahasa sebagai sistem tabiat yang rumit. Tabiat berbahasa sering ditanda dengan keperluan bagi memahami struktur bahasa itu dapat dikuasai dengan menekankan kepentingan tingkah laku penutur bahasa itu. Charles melihat bahasa daripada sudut psikologi behaviourisme. Bahasa memerlukan penutur menguasai aspek tingkah laku berbahasa yang dapat dibina melalui sistem bahasa yang dapat diterima bersama. Bahasa juga dikaitkan dengan keperluan perhubungan antara penuturnya. Ini disebabkan bahasa adalah alat yang digunakan bagi tujuan mewujudkan hubungan antara satu sama lain. Ahli sosiolinguistik berpendapat, penggunaan bahasa ditentukan juga oleh masyarakat iaitu pengguna. Pengguna sebagai penentu kepada perkembangan bahasa meletakkan fungsi bahasa dalam mencorakkan kehidupan masyarakatnya.

### **Sorotan Kajian Sepintas Lalu**

Dalam menjalankan kajian ini, beberapa maklumat berkaitan dengan kajian yang telah dijalankan oleh para pengkaji sebelum ini yang berkaitan atau mempunyai kepentingan dalam kajian bahasa pantang larang. Dapatan kajian sebelum ini merupakan satu wahana atau maklumat asas yang amat penting dalam menjalankan satu penyelidikan yang baharu. Oleh itu, sumber-sumber kajian lepas yang telah dijalankan oleh para pengkaji lain, difahami secara terperinci dan kemudiannya dirumuskan untuk tujuan perbandingan dan rujukan.

Kajian-kajian lepas yang diperoleh memberikan input tentang sejauh mana kajian tentang bahasa pantang larang telah dijalankan dan maklumat ini dapat memudahkan proses analisis kajian yang dijalankan.

Selain itu, kajian-kajian lepas yang dirujuk dapat menunjukkan sama ada wujud kelebihan atau kelemahan yang dapat diatasi dalam menjalankan kajian-kajian baharu untuk masa akan datang. Melalui kajian-

kajian yang dilakukan oleh pengkaji sebelum ini, sedikit sebanyak ia dapat membantu dalam menambahbaik kekurangan kajian sebelum ini dalam melakukan kajian yang baru.

### **Kajian Lepas Tentang Bahasa Pantang Larang**

Terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan oleh para pengkaji berkaitan dengan bahasa pantang larang. Antara kajian yang dilakukan oleh Ani Haji Omar (2014) ialah kajian bahasa pantang larang dalam kalangan orang Melayu. Kajian tersebut membincangkan dua aspek utama, iaitu pantang larang berhubung dengan kekeluargaan, sosial dan moral dan bahasa pantang larang yang berkaitan dengan kesihatan dan penyakit. Perbincangan dikaitkan dengan teori sistem pemikiran bersepada 4K atau SPB4K, iaitu pemikiran kerohanian, lahiriah, kesaintifikian dan kekreatifan. Kajian ini dilakukan berdasarkan teori yang dikemukakan oleh Mohd Yusof Hasan (2000:18) yang menyatakan bahawa teori SPB4K ini memperlihatkan empat jenis pemikiran, iaitu pemikiran luhur atau kerohanian, pemikiran lahiriah atau kebitaraan, pemikiran logik atau kesaintifikian dan pemikiran lateral atau kekreatifan yang perlu disepadukan untuk manusia menjadi hamba dan khalifah.

Kajian tersebut menunjukkan kepercayaan, pantang larang dan adat istiadat Melayu umumnya menerima pengaruh daripada pelbagai unsur termasuklah kepercayaan animisme, Buddha, Hindu, agama Islam dan perkara yang berkaitan dengan asimilasi tempatan dan juga Barat. Unsur yang merupakan kepercayaan karut dan bertentangan dengan ideologi Islam seharusnya tidak diterima pakai lagi. Namun demikian, segala pantang larang yang boleh diterima dengan pemikiran rasional dan berkaitan dengan adat resam yang tidak menyalahi akidah Islam serta bertujuan untuk mendidik wajar diamalkan.

Kajian seterusnya yang berkaitan dengan pantang larang ialah kajian oleh Abd. Naddin Hj. Shaiddin et. al (2014), yang melihat adat resam dan pantang larang dalam kalangan masyarakat di Sabah. Tujuan kajian tersebut dijalankan ialah membincangkan adat resam dan pantang larang suku Kadazandusun dan mengenal pasti kelainan dalam adat resam dan pantang larang Kadazandusun di daerah atau subsuku yang lain.

Kajian tersebut menunjukkan masyarakat Iranun ialah masyarakat yang amat mementingkan adat tradisional dan budaya mereka. Jelas pengkaji, jika tidak ada usaha pelestarian adat tradisional yang diamalkan oleh suku Kadazandusun sejak turun-temurun, besar kemungkinan amalan budaya yang luhur dan murni dikhawatir akan pupus. Adat tradisional yang mempunyai nilai-nilai yang luhur dan murni wajar dilestarikan dan dipulihara.

Seterusnya, kajian berkaitan pantang larang dalam kehidupan wanita Melayu telah dikaji oleh Yuslinda Rejab (2003). Kajian tersebut dijalankan untuk meninjau aspek pantang larang yang masih digunakan dalam kehidupan masyarakat kini, menyelidik jenis-jenis pantang larang yang sering dikaitkan dengan golongan wanita dari usia remaja hingga dewasa iaitu selepas berkahwin, melihat sejauh mana penggunaan dan aplikasi amalan pantang larang ini dalam kehidupan golongan wanita dan meninjau perubahan yang berlaku dan perkembangan pantang larang dalam kehidupan wanita hari ini selaras dengan perkembangan teknologi perubatan moden. Kajian ini didasari oleh konsep-konsep yang diperkenalkan seperti konsep nilai, norma, pantang larang, wanita Melayu dan konsep perempuan.

Hasil kajian tersebut mendapati faktor sosial dan ekonomi ialah faktor utama yang menyebabkan berlakunya perubahan serta kurangnya pengalaman pantang larang dalam kehidupan wanita Melayu di kawasan yang dikaji. Walaupun terdapat perubahan yang menyebabkan Melayu kurang mengamalkan pantang larang ini, namun perubahan ini tidaklah sampai ke tahap mengubah struktur-struktur asas budaya Melayu.

Kajian tentang pantang larang turut dilakukan oleh Aishah@Eshah Haji Mohamed & Abd. Aziz Hj. Bidin (2012), iaitu tentang penjagaan kesihatan wanita semasa dalam pantang yang merujuk pada amalan dan kepercayaan. Kajian tersebut adalah untuk memberikan pengetahuan dan pemahaman tentang amalan penjagaan kesihatan bagi wanita Melayu semasa dalam pantang dan menganalisis pengaruh kepercayaan dalam amalan penjagaan kesihatan mereka semasa dalam pantang. Kajian ini dilakukan berdasarkan perspektif budaya Melayu.

Kajian ini dijalankan berdasarkan kaedah temu bual bersama 30 orang informan yang dipilih dengan menggunakan kaedah pensampelan bertujuan. Informan dipilih dalam kalangan wanita Melayu yang pernah mengamalkan amalan dalam pantang atau sedang berada dalam pantang semasa kajian dilakukan. Tema-tema temu bual berkisar di sekitar amalan dalam pantang seperti mandi teresak, bedian/berdiang, bertungku dan berurut, barut perut (bebekum), rehat, hubungan seks dan penghindaran makanan. Selain itu, hal kepercayaan yang berkaitan dengan amalan seperti keseimbangan tubuh, luka, kotor, suci, sejuk, makhluk ghaib juga dilibatkan. Kajian tersebut menunjukkan amalan penjagaan kesihatan dalam kalangan wanita semasa dalam pantang dikawal oleh faktor biologikal, budaya dan psikososial yang kompleks. Amalan mereka dipengaruhi oleh situasi ekonomi, pendidikan, pekerjaan, keadaan hidup dan persekitaran keluarga, hubungan gender dan sosial serta nilai budaya mereka. Penjagaan kesihatan wanita dalam pantang juga berkaitan dengan semangat, rasukan dan gangguan makhluk ghaib dan magis. Wanita Melayu percaya bahawa alam ini bukan sahaja didiami oleh manusia tetapi juga oleh makhluk ghaib yang dipanggil hantu.

Kajian yang dilakukan oleh Azyantee Mohd Zawawi (2014) pula melihat amalan tabu Suku Mah Meri Tanjung Sepat, Banting Selangor. Kajian tersebut dijalankan untuk mengenal pasti amalan tabu dan kepercayaan yang masih diamalkan oleh masyarakat Mah Meri di Tanjung Sepat dalam beberapa aspek, iaitu perkahwinan, kematian, kelahiran dan pekerjaan. Kajian ini dilakukan berdasarkan pendekatan kualitatif.

Sumber data kajian ini diperoleh berdasarkan pemerhatian langsung, temu bual dan rakaman terhadap masyarakat orang asli suku Mah Meri di Tanjung Sepat, Banting, Selangor. Pemilihan informan berdasarkan autoriti dalam kalangan masyarakat tersebut. Informan terdiri daripada 10 orang penduduk kampung berumur antara 40 tahun hingga 80 tahun daripada pelbagai kumpulan sosial, iaitu kakitangan kerajaan, nelayan, petani, buruh dan suri rumah.. Hasil kajian tersebut menunjukkan bahawa pantang larang dalam upacara perkahwinan, kematian, kelahiran dan pekerjaan ini masih diamalkan oleh masyarakat suku Mah Meri di Tanjung Sepat. Amalan yang wujud sejak turun-temurun ini sudah menjadi kewajipan mereka untuk memastikan kelangsungannya. Tahap kepercayaan suku Mah Meri terhadap tabu dan pantang larang ini kuat

dan banyak diamalkan dalam upacara tradisional mereka. Amalan tabu oleh suku Mah Meri di Tanjung Sepat ini membuktikan bahawa masyarakat di sana masih mementingkan nilai tradisi demi menjaga kesantunan dan adat. Kepercayaan masyarakat ini terhadap alam lahiriah yang mempunyai semangat dan kuasa tertentu menyebabkan wujudnya tabu.

Kajian seterusnya dilakukan oleh Salmah Omar & Mohan Rathakrishnan (2016), iaitu kajian yang berkaitan pantang larang makanan masyarakat Melanau Sarawak. Kajian tersebut mengfokuskan pantang larang makanan. Pantang larang makanan terbahagi kepada dua jenis iaitu pantang larang bersifat tetap dan sementara. Kajian ini dilakukan berdasarkan istilah pantang larang makanan oleh beberapa para ahli sarjana.

Sumber kajian ini diperoleh berdasarkan kerja lapangan. Kajian ini menunjukkan bahawa masyarakat Melanau mempunyai cara yang tersendiri dalam menguruskan dan menjaga kesihatan mereka. Pantang larang makanan yang dipatuhi dalam amalan pemakanan merupakan aspek penting bagi mengawal diri dan tindak tanduk mereka. Misalnya pantang larang untuk wanita semasa mengandung dan selepas bersalin bertujuan untuk memulihkan kesihatan, mencegah penyakit akan datang dan juga mencegah nasib buruk mereka. Sesuatu larangan yang tidak mempunyai kekuatan moral boleh dimanipulasikan oleh masyarakat. Dalam budaya masyarakat Melanau, pantang larang makanan ini dianggap sebagai pedoman pelakuan menjamin kesihatan. Sebagai pedoman, pantang larang makanan ini boleh dipatuhi, diuji, boleh diabaikan dan juga dibuat eksperimen.

## Metodologi Kajian

Kajian yang dijalankan ini menggunakan kaedah analisis teks. Setiap bahasa pantang larang yang terkandung dalam teks ‘*Pantang Larang Orang Melayu Tradisional (Siri Budaya Utusan)*’ karya Wan Ramli Wan Muhammad & Hanapi Dollah (1999) diteliti dengan tujuan untuk mengenal pasti bentuk dan jenis bahasa pantang larang yang terkandung dalam teks tersebut. Data seterusnya dianalisis dengan menggunakan

teori Relevans bagi menjelaskan sebab-sebab bahasa pantang larang ini dicipta dengan menggunakan bentuk bahasa atau simbol seperti yang terdapat dalam bahasa pantang larang tersebut.

## Kerangka Teori

Kajian tentang bahasa pantang larang masyarakat Melayu dianalisis berdasarkan teori Relevans yang dikemukakan oleh Sperber dan Wilson (1995) yang mengagaskan dua prinsip utama iaitu, Prinsip Relevans Kognitif dan Prinsip Relevans Komunikatif.

*“Relevance theory is grounded in a definition of relevance and two principles of relevance: a cognitive and a communicative principle.  
(Sperber & Wilson, 1995)”*

Teori Relevans merupakan satu teori komunikasi yang diperkenalkan oleh Sperber & Wilson (dlm. Gutt (1991)) bagi menggantikan teori yang diasaskan oleh Grice melalui buku mereka iaitu, ‘*Relevance Communication and Cognition*’. Matlamat teori ini ialah menjelaskan ciri proses mental yang terlibat dalam penginterpretasian ujaran atau pun maklumat.

Menurut Sperber & Wilson (dlm. Hasmidar Hassan, (2009:504)) kognisi manusia sentiasa terarah untuk mencapai kesan kognitif yang sebanyak mungkin dengan usaha memproses yang sedikit mungkin dalam penginterpretasian ujaran atau pun maklumat,. Seseorang penutur itu perlu dapat memastikan perkara yang diperkatakannya itu mempunyai ciri relevan yang optimal iaitu bermaksud setiap ujaran itu perlu mempunyai kesan kognitif yang maksimum. Kesan kognitif yang maksimum bermaksud penutur dapat merumuskan maksud sesuatu ujaran dalam masa yang singkat.

## Prinsip-Prinsip Teori Relevans

Terdapat dua prinsip yang digagaskan oleh Sperber & Wilson (1995) dalam teori Relevans, iaitu prinsip Relevans kognitif dan prinsip Relevans komunikatif. Huraian bagi kedua-dua prinsip tersebut adalah seperti berikut:

### i. Prinsip Relevans Kognitif

Menurut Sperber & Wilson (1995:260), “*Human cognition tends to be geared to the maximisation of relevance. It is against this cognitive background that inferential communication takes place*”. Jelas Hasmidar Hassan (2014:264), kognisi manusia itu sendiri yang dikatakan cenderung untuk memaksimumkan relevans membuatkan penutur akan bertindak menghasilkan ransangan (input) yang dapat menarik perhatian pendengar. Hal ini demikian kerana pendengar lebih cenderung untuk memilih ransangan yang paling relevan dalam persekitarannya serta akan memproses input-input tersebut bagi mencapai Relevans yang paling maksimum. Di samping itu, ia membantu pendengar menemukan andaian konteks yang tertentu dan mengarahkan pendengar untuk membuat kesimpulan yang dihajatkan.

### ii. Prinsip Relevans Komunikatif

Menurut Sperber & Wilson (1995:260), “*every act of ostensive communication communicates a presumption of its own optimal relevance*”. Prinsip relevans komunikatif berdasarkan hubungannya dengan komunikasi. Setiap tingkah laku komunikasi yang jelas dan nyata atau dalam erti kata lain iaitu Relevans yang optimum dicirikan oleh ransangan ostensif yang paling relevans. Penutur perlu menjadikan ransangan ostensif tersebut semudah yang mungkin bagi pendengar memahaminya dan menyediakan bukti yang bukan hanya untuk kesan kognitif yang ingin dicapai, tetapi juga sebagai kesan kognitif dan seterusnya perlu untuk menarik perhatian pendengar memahami matlamatnya. Apabila penutur menghasilkan ransangan ostensif yang paling relevans, yang menimbulkan kesan yang banyak, maka usaha memproses yang diperlukan adalah sedikit (Hasmidar Hassan, 2014: 265).

### Andaian Bagi Relevans Yang Optimum

Menurut Sperber & Wilson (1995:267), “*The presumption of optimal relevance itself was spelled out as the set of assumptions which the communicator intends to make manifest to the addressee is relevant enough to make it worth the addressee's while to process the ostensive stimulus and the ostensive stimulus is the most relevant one the communicator could have used to communicate*”. Relevans yang optimum dicirikan oleh ransangan ostensif yang paling relevans yang disampaikan oleh penutur dalam batas keupayaan dan

*Bahasa Pantang Larang Masyarakat Melayu dan Hubungannya Dengan  
Prinsip Relevans Kognitif dan Prinsip Relevans Komunikatif*

pilihan penutur. Penutur perlu menjadikan rangsangan ostensif tersebut semudah mungkin bagi pendengar memahaminya dan menyediakan bukti yang bukan hanya untuk kesan kognitif yang dihajati untuk dicapai, tetapi juga sebagai kesan kognitif seterusnya yang perlu untuk menarik perhatian pendengar memahami matlamatnya. Hal ini kerana penutur itu sendiri bermatlamatkan maklumat yang disampaikannya difahami. Apabila penutur menghasilkan rangsangan ostensif yang paling relevans, yang menimbulkan kesan yang banyak, maka usaha memproses yang diperlukan adalah sedikit (Hasmidar Hassan, 2014: 265).

Huraian tentang teori Relevans ini menunjukkan bahawa teori Relevans berupaya digunakan bagi mengkaji bahasa pantang larang masyarakat Melayu kerana teori ini menganggap sesuatu interpretasi ujaran itu sebagai proses mental yang melibatkan pendengar atau pembaca iaitu, kognisi manusia yang cenderung dan terarah untuk memaksimumkan relevans. Selain itu, penutur perlu memastikan segala maklumat atau mesej yang ingin disampaikan melalui sesuatu ujaran haruslah bersifat ostensif iaitu nyata dan jelas atau dalam makna lain, mesej yang hendak disampaikan dalam ujaran tersebut dapat difahami dengan mudah oleh pendengar (yang menegaskan bahawa rangsangan ostensif menyampaikan suatu andaian yang cukup optimum). Sperber & Wilson (2002:607) berpendapat bahawa setiap ucapan hadir dengan jaminan tentang perkaitannya sendiri. Oleh itu, untuk memahami ucapan adalah dengan membuktikan kesesuaianya.


Untuk tujuan kajian bahasa pantang larang ini, idea asas yang mendasari teori Relevans akan diaplikasikan dan digunakan dalam analisis ini. Di samping beberapa idea lain iaitu tentang konsep ostensif dan kos memproses serta usaha memproses dan kesan kognitifnya.

**Bahasa Pantang Larang Masyarakat Melayu Dan Hubungannya Dengan  
Prinsip Relevans Kognitif dan Prinsip Relevans Komunikatif**

Dalam bahagian ini, data yang dikutip daripada teks buku '*Pantang Larang Orang Melayu Tradisional (Siri Budaya Utusan)*' hasil karya Wan Ramli Wan Muhammad & Hanapi Dollah (1999) dianalisis berdasarkan teori Relevans.

Untuk melihat fasa atau peringkat penggunaan bahasa pantang larang ini dengan lebih jelas maka bahasa pantang larang ini dikategorikan seperti berikut:

### Fasa Kehidupan Manusia



Rajah 1: Fasa Kehidupan Manusia

Bahasa pantang larang ini boleh dikategori mengikut peringkat atau fasa misalnya untuk bayi, untuk kanak-kanak, golongan dewasa (bahasa pantang larang untuk kaum perempuan, kaum lelaki) dan untuk orang tua seperti yang dinyatakan dalam Rajah 1. Kebanyakan pantang larang ini digunakan dengan tujuan mendidik masyarakat agar mengamalkan nilai-nilai murni, berkelakuan sopan, menjaga keselamatan diri dan kesihatan dalam kehidupan harian serta bertujuan melarang dari melakukan sesuatu yang buruk atau mendarangkan perkara-perkara yang

buruk (Hasmidar Hassan, 2017:3). Penghasilan bahasa pantang larang ini ternyata sangat unik kerana ujarannya sentiasa disandarkan pada tingkah laku dan peristiwa yang sebenar dan dipercayai dengan sesungguhnya oleh pendengar.

Bagi membincangkan perihal penciptaan bahasa pantang larang ini dengan lebih lanjut, maka data yang dipilih daripada setiap kategori/fasa di atas dianalisis dengan menggunakan Teori Relevans yang digagaskan oleh Sperber & Wilson (1995) dengan memperlihat hubungan kognitif masyarakat Melayu dan prinsip Relevans Komunikatif dalam penghasilan bahasa pantang larang. Bagaimanapun, atas sebab ruang yang terhad maka perbincangan ini akan hanya melibatkan bahasa pantang larang bagi fasa bayi hingga dewasa (lelaki dan perempuan).

### Bahasa Pantang Larang untuk Bayi

Pada amnya semua bahasa pantang larang digunakan untuk tujuan mengawal atur dan memelihara keselamatan individu yang terlibat. Begitu juga yang berlaku pada bahasa pantang larang yang digunakan untuk bayi. Bahasa pantang larang yang digunakan pada fasa bayi iaitu yang melibatkan situasi bayi yang baru lahir digunakan untuk mendidik masyarakat supaya tidak melakukan sesuatu yang bertentangan dengan kepercayaan mereka dan bertujuan untuk menjaga kesejahteraan bayi dan juga kesihatan bayi tersebut. Contohnya;

- i. Tidak boleh menghembus mulutnya, nanti menjadi **bisu**.  
(hlm. 23)
  - ii. Tidak boleh ditelentangkan bayi di luar rumah dan melihat langit kerana dibimbangi akan menjadi gila. (hlm. 23)
- i. **Tidak boleh menghembus mulutnya, nanti menjadi bisu**

Bahasa pantang larang yang pertama iaitu “*tidak boleh menghembus mulutnya, nanti menjadi bisu*” merupakan bahasa pantang larang yang dipercayai terhasil atas sebab-sebab keselamatan dan kesihatan. Bayi yang baru lahir dikatakan mempunyai imuniti badan yang sangat rendah dan mudah untuk dijangkiti penyakit (Portal MyHealth). Oleh itu, orang dewasa dilarang menghembus mulut bayi kerana mulut orang dewasa mungkin mengandungi kuman dan dikhawatiri boleh menjangkiti bayi

tersebut. Selain itu, bayi juga tidak mempunyai keupayaan untuk melakukan dan memberikan sebarang tindak balas sekiranya dia mengalami kesukaran bernafas sehingga boleh mengancam nyawa bayi tersebut. Dalam hal ini, bahasa pantang larang tersebut digunakan dengan tujuan tertentu iaitu untuk melarang golongan dewasa daripada melakukan perbuatan menghembus mulut bayi bagi mengelakkan berlakunya perkara yang tidak diingini. Dengan kata lain bahasa pantang larang tersebut digunakan dengan tujuan untuk menjaga kesihatan dan keselamatan bayi tersebut.

Jika golongan dewasa ini dinasihati dengan menggunakan ujaran seperti “*jangan hembus mulutnya, nanti bayi sukar bernafas*” pastinya ujaran ini tidak akan memberikan kesan yang tinggi pada golongan dewasa ini. Ujaran “*Tidak boleh menghembus mulutnya, nanti menjadi bisu*” ternyata lebih jelas dan menarik perhatian kerana adanya sandaran “*menjadi bisu*” iaitu hal yang paling ditakuti oleh para ibu bapa kerana tiada ibu bapa yang mahu akan anaknya tidak sempurna atau cacat. Kecatatan merupakan sesuatu yang kekal dan ia boleh berlaku secara semula jadi sejak lahir atau boleh berlaku disebabkan oleh kemalangan atau kecederaan yang teruk atau juga disebabkan oleh penyakit. Oleh yang demikian, dengan wujudnya bahasa pantang larang ini dan dengan adanya frasa sandaran “*menjadi bisu*” yang merujuk kecatatan fizikal, akan menyebabkan golongan dewasa atau pelaku yang terlibat akan berasa takut jika perkara yang memudaratkan itu berlaku pada bayi tersebut. Ujaran “*Tidak boleh menghembus mulutnya, nanti menjadi bisu*” secara literalnya tidaklah bermaksud demikian iaitu bayi “*menjadi bisu*”, sebaliknya bahasa pantang larang ini bertujuan untuk menjaga keselamatan dan kesihatan bayi tersebut. Untuk memahami makna sebenar yang cuba disampaikan melalui bahasa pantang larang ini, pendengar perlu menggunakan akal dan kebijaksanaannya bagi mencungkil makna tersirat di sebalik penggunaan bahasa pantang larang tersebut.

Dari perspektif pragmatik, khususnya teori Relevans ujaran “*Tidak boleh menghembus mulutnya, nanti menjadi bisu*” ternyata mematuhi prinsip Relevans kognitif dan prinsip Relevans komunikatif kerana bahasa pantang larang tersebut merupakan rangsangan yang ostensif yang cukup relevans khususnya frasa “*menjadi bisu*”. Frasa “*menjadi bisu*” itu bukanlah

sebab yang sebenar, ia merupakan bentuk atau kod bahasa yang dijadikan sandaran untuk memberikan kesan yang tinggi kepada masyarakat atau pelaku yang terlibat dengan perbuatan tersebut. Dengan adanya frasa sandaran “*menjadi bisu*” ini, ia seolah-olah memberikan peringatan kepada golongan atau pelaku terlibat supaya tidak melakukan perbuatan tersebut pada bayi kerana hal ini akan mendatangkan keburukan pada kesihatan bayi tersebut. Pada masa yang sama, ujaran tersebut juga dapat meninggalkan kesan kepada pendengar kerana mereka akan berusaha untuk memproses makna tersebut dan bersesuaian dengan kebolehan mereka untuk mencapai kesan kognitif yang tinggi. Kesan yang tinggi dapat dicapai oleh pendengar sekiranya ujaran yang disampaikan itu berbaloi diproses dan mencapai tahap kerelevan yang optimum. Kerelevan yang optimum bergantung pada tahap pemahaman seseorang itu tentang sesuatu ujaran yang disampaikan oleh penutur.erti ujaran tersebut mudah difahami dan bersifat ostensif.

ii. Tidak boleh ditelentangkan bayi di luar rumah dan melihat langit kerana dibimbangi akan menjadi gila.

Seterusnya bahasa pantang larang yang kedua “*tidak boleh ditelentangkannya bayi di luar rumah dan melihat langit kerana dibimbangi akan menjadi gila*” merupakan bahasa pantang larang yang dipercayai terhasil juga atas sebab-sebab tertentu. Yang pasti perbuatan menelentangkan bayi terutamanya di luar rumah tentulah tidak wajar dilakukan pada bayi yang baru lahir. Udara dan cuaca yang tidak bersih di luar rumah dan juga kepercayaan orang terdahulu terhadap alam ghaib atau mahluk halus yang dikatakan dapat dilihat oleh bayi-bayi yang baru lahir dan bayi tersebut juga akan mudah diganggu oleh makhluk halus menjadikan sebab bahasa pantang larang ini terhasil. Bagaimanapun, bahasa pantang larang tersebut digunakan dengan tujuan tertentu iaitu untuk melarang golongan dewasa melakukan perbuatan yang boleh mengancam keselamatan dan keadaan bayi tersebut serta mengelakkan bayi tersebut dijangkiti penyakit yang disebabkan oleh faktor persekitaran yang tidak bersih.

Sekiranya ujaran tersebut hanyalah berbentuk seperti “*tidak boleh ditelentangkannya bayi di luar rumah dan melihat langit kerana dibimbangi bayi tersebut demam atau sakit*” tentunya ujaran ini akan mengundang

pelbagai pertanyaan dan tidak akan memberikan kesan yang tinggi pada golongan dewasa ini agar tidak melakukan perbuatan tersebut. Justeru, untuk mengelakkan pertayaan lanjut maka dihasilkan bahasa pantang larang “*tidak boleh ditelentangkannya bayi di luar rumah dan melihat langit kerana dibimbangi akan menjadi gila*”. Hal ini kerana ujaran tersebut tidak cukup menakutkan mereka. Ujaran “*tidak boleh ditelentangkannya di luar rumah dan melihat langit kerana dibimbangi akan menjadi gila*” ternyata lebih ostensif menurut teori Relevans kerana adanya frasa “*dibimbangi akan menjadi gila*” iaitu hal yang ditakuti oleh sesiapa pun juga yang hidup di atas muka bumi ini. Hal ini demikian kerana, gila merupakan satu penyakit yang sukar untuk diubati dan orang gila sering dipandang hina oleh masyarakat di sekeliling. Ujaran “*tidak boleh ditelentangkannya di luar rumah dan melihat langit kerana dibimbangi akan menjadi gila*” bagaimanapun secara literalnya ujaran ini tidak bermaksud sedemikian. Ujaran “*dibimbangi akan menjadi gila*” hanyalah satu kod/bentuk bahasa yang dijadikan sandaran untuk menakut-nakutkan masyarakat dahulu agar perbuatan tersebut tidak dilakukan dan diamalkan dalam kehidupan sehari-hari mereka terutamanya yang merujuk pelaku perbuatan tersebut. Hal ini bersesuaian dengan kepercayaan masyarakat dahulu yang mempercayai bahawa bayi yang masih kecil mudah diganggu oleh makhluk halus atau kata lain mudah ‘disampuk’ oleh makhluk-makhluk ghaib yang tidak dapat dilihat oleh mata kasar manusia. Tujuan sebenar bahasa pantang larang ini adalah untuk menjaga keselamatan dan kesihatan bayi tersebut. Oleh itu, bagi memahami makna sebenar yang cuba disampaikan melalui penggunaan bahasa pantang larang ini harus ditafsir oleh pendengar dengan cara yang analitis.

Dilihat dari sudut teori Relevans ujaran “*tidak boleh ditelentangkannya bayi di luar rumah dan melihat langit kerana dibimbangi akan menjadi gila*” ternyata memberikan kesan ransangan yang tinggi dan mencapai kesan kognitif kepada masyarakat atau pelaku yang terlibat. Kesan kognitif yang tinggi yang diperoleh membolehkan pendengar memproses maklumat dalam masa yang singkat dan sekaligus dapat mencapai tahap kerelevan yang maksimum. Bagi mencapai kerelevan yang maksimum perlu bergantung kepada tahap pemahaman seseorang pendengar terhadap bahasa pantang larang yang disampaikan ini. Hal ini kerana, frasa “*dibimbangi akan menjadi gila*” itu bukanlah sebab yang

sebenar, ia merupakan sandaran yang digunakan bagi menakutkan dan memberikan pengajaran kepada masyarakat atau pelaku yang terlibat agar tidak melakukan perbuatan menelentangkan bayi di luar rumah. Oleh itu, pendengar haruslah memahami secara langsung ujaran yang cuba disampaikan dan memproses sebarang rangsangan luar yang menjadi input kepada kesan kognitif yang mungkin relevans pada situasi atau keadaan yang cuba disampaikan melalui bahasa pantang larang ini. Dengan kata lain, sesuatu maklumat yang diperoleh untuk mencari makna sebenar akan dianggap relevan apabila dapat berinteraksi dengan andaian sedia ada yang ada pada pendengar (Sperber dan Wilson, 1995).

Secara keseluruhannya, dari sudut pandangan teori Relevans, penutur Melayu yang bermatlamatkan maklumat yang disampaikannya difahami, menggunakan bahasa pantang larang yang bersandarkan objek dan peristiwa yang paling ostensif misalnya **bisu** atau **dibimbangi akan menjadi gila** seperti yang terdapat dalam data di atas sebagai satu kod yang bertujuan untuk menarik perhatian pendengar dan menimbulkan kesan kognitif yang tinggi.

### Bahasa Pantang Larang untuk Kanak-kanak

Bahasa pantang larang yang digunakan pada fasa kanak-kanak bertujuan mendidik kanak-kanak supaya tidak melakukan sesuatu yang bertentangan dan dilarang oleh agama dan kepercayaan masyarakat Melayu. Bahasa pantang larang juga digunakan bertujuan menjaga keselamatan mereka. Antara data yang dikutip bagi fasa kanak-kanak ialah:

- i. Tidak boleh duduk atas bantal, punggung akan **terkena bisul**.  
(hlm. 24)
  - ii. Tidak boleh memotong kuku pada waktu malam, nanti **pendek umur**. (hlm. 25)
- i. **Tidak boleh duduk atas bantal, punggung akan terkena bisul.**

Bahasa pantang larang yang sering digunakan dalam fasa kanak-kanak antaranya ialah “*tidak boleh duduk atas bantal, punggung akan terkena bisul*”. Tujuan bahasa pantang larang ini digunakan dan ditujukan kepada golongan kanak-kanak adalah untuk melarang kanak-kanak agar tidak menjadikan bantal sebagai alat permainan atau menjadikan bantal sebagai

tempat untuk kanak-kanak ini duduk. Hal ini kerana, bantal merupakan objek yang digunakan manusia untuk mengalas kepala semasa tidur. Kepala merupakan anggota tubuh badan yang paling atas atau tertinggi bagi manusia atau dengan erti lain dari segi agama bahagia muka yang juga melibatkan bahagian kepala merupakan anggota badan manusia yang paling mulia (Ahmad Jalaluddin, 2017). Maka adalah tidak elok sekiranya bantal yang digunakan untuk meletakkan kepala digunakan pula untuk duduk. Oleh sebab ‘*duduk di atas bantal*’ merupakan satu perbuatan yang melibatkan anggota badan bahagian punggung maka ia merujuk kepada perbuatan yang tidak baik. Bahagian punggung merupakan bahagian anggota badan yang dianggap kotor kerana itulah tempatnya perkumuhan berlaku. Oleh itu, perbuatan duduk di atas bantal dilarang sama sekali. Walaupun tujuan melarang kanak-kanak duduk di atas bantal kerana dikatakan tidak sopan namun tujuan tersiratnya adalah untuk mendidik kanak-kanak agar tidak menjadikan bantal sebagai alat permainan mereka.

Jika kanak-kanak ini dinasihati dengan ujaran seperti “*jangan duduk atas bantal, nanti bantal kotor*” pasti ujaran ini tidak memberikan apa-apa kesan pada kanak-kanak tersebut. Oleh itu, ujaran itu kelihatan tidak cukup kuat untuk melarang kanak-kanak daripada melakukan perbuatan sedemikian dan tidak mendatangkan apa-apa kesan kepada kanak-kanak tersebut. Namun begitu, ujaran “*tidak boleh duduk atas bantal, punggung akan terkena bisul*” tidaklah bermaksud sedemikian secara literalnya. Ia hanyalah satu bentuk atau kod yang dijadikan sandaran untuk tujuan menakutkan dan menasihati kanak-kanak agar tidak melakukan perbuatan sedemikian. Hal ini dikaitkan dengan ajaran dalam agama Islam masyarakat dahulu hingga sekarang bahawa bantal ialah objek untuk meletakkan anggota badan yang paling tinggi atau mulia iaitu kepala. Oleh itu, tujuan bahasa pantang larang ini ialah menasihati kanak-kanak agar tidak menjadikan bantal sebagai alat permainan atau dijadikan alas punggung bagi menjaga kesejahteraan dan memupuk nilai-nilai murni dalam diri kanak-kanak tersebut.

Ujaran “*tidak boleh duduk atas bantal, punggung akan terkena bisul*” dari sudut teori Relevans ternyata lebih memberikan kesan yang tinggi kepada kanak-kanak kerana adanya penggunaan frasa ayat sandaran

“*terkena bisul*” yang mampu memberikan ransangan yang ostensif kerana ia dapat mewujudkan andaian yang relevans berdasarkan perkaitan input atau maklumat yang digunakan oleh penutur bagi memudahkan pendengar untuk memahami isi makna ujaran yang cuba disampaikan melalui bahasa pantang larang ini. Dalam memahami sesuatu ujaran, kesan kognitif yang tinggi akan menyebabkan usaha memproses maklumat rendah dan tidak mengambil masa yang panjang untuk memahaminya dan hal ini dikatakan akan membolehkan pendengar mencapai relevan yang optimum. Tahap relevan yang optimum pula bergantung pada sejauh mana pemahaman pendengar tentang ujaran yang disampaikan oleh penutur. Dalam hal ini frasa “*terkena bisul*” merujuk satu penyakit yang mengambil masa yang lama untuk sembuh dan sesiapa yang terkena bisul pada punggung akan mengalami kesukaran untuk duduk dan menyebabkan mereka lebih banyak berdiri atau tidur dalam keadaan meniarap. Justeru itu, kanak-kanak ini akan berasa takut untuk melakukan perbuatan tersebut dan ternyata penggunaan bahasa pantang larang ini merupakan ransangan yang boleh dicapai oleh pendengar kerana input tersebut dapat diproses dengan mudah dan difahami sepenuhnya oleh pendengar. Oleh yang demikian, untuk memahami makna sebenar penggunaan bahasa pantang larang ini, ia harus ditafsirkan oleh pendengar berdasarkan tujuan penggunaan dan maksud tersirat yang didukungnya.

ii. Tidak boleh memotong kuku pada waktu malam, nanti pendek umur.

Bahasa pantang larang seterusnya iaitu “*tidak boleh memotong kuku pada waktu malam, nanti pendek umur*” merupakan bahasa pantang larang yang terhasil disebabkan oleh faktor-faktor tertentu. Secara amnya, tindakan memotong kuku pada waktu malam dilarang pada zaman dahulu. Hal ini kerana keadaan waktu malam ketika itu atau zaman dahulu masih belum dilengkapi dengan bekalan elektrik dan hanya menggunakan pelita pada waktu malam. Cahaya pelita tidak cukup terang dan hanyalah samar-samar sahaja. Oleh sebab itu, golongan kanak-kanak terutamanya dilarang memotong kuku pada waktu malam kerana dikhuatiri boleh mendatangkan kecederaan ketika mereka memotong kuku. Oleh hal yang demikian, maka wujudlah bahasa pantang larang ini.

Bagaimanpun jika ujaran tersebut disampaikan dalam bentuk seperti “*tidak boleh memotong kuku pada waktu malam, nanti terluka*” tentunya ia tidak memberikan kesan yang mendalam terhadap golongan kanak-kanak ini agar tidak melakukan perbuatan tersebut dan memandang ringan akan perkara tersebut. Oleh itu, bahasa pantang larang “*tidak boleh memotong kuku pada waktu malam, nanti pendek umur*” dihasilkan untuk memberikan rangsangan yang lebih kuat terhadap perbuatan memotong kuku pada waktu malam. Hal ini kerana ujaran ini dapat memberikan maklumat yang diinginkan oleh penutur kepada pendengar dengan adanya frasa sandaran “**pendek umur**” yang akan membuatkan golongan kanak-kanak ini atau pelaku yang terlibat berasa takut. Mereka tidak berani melakukan perbuatan tersebut kerana mereka khuatir akan mati atau meninggal dunia. Hal ini kerana, mati merupakan perkara yang paling ditakuti oleh semua manusia yang hidup. Apabila kita mati kita akan tidak lagi dapat merasai kehidupan di atas muka bumi. Ujaran “*tidak boleh memotong kuku pada waktu malam, nanti pendek umur*” jika diteliti maknanya secara literal ia tidaklah membawa maksud seperti yang tersebut. Ujaran “**pendek umur**” hanyalah satu bentuk bahasa yang digunakan dan dijadikan sebagai sandaran untuk menakut-nakutkan golongan kanak-kanak atau pelaku yang terlibat pada ketika itu. Hal ini sesuai dikaitkan dengan keadaan dan suasana pada ketika itu atau zaman dahulu belum menerima bekalan elektrik secara meluas dan hanya menggunakan pelita minyak tanah. Justeru itu, dibimbangi jika kanak-kanak memotong kuku pada waktu malam dalam suasana yang samar-samar atau gelap, ia boleh menyebabkan berlakunya kecederaan. Ternyata, tujuan sebenar bahasa pantang larang ini dicipta adalah untuk menjaga keselamatan golongan kanak-kanak atau pelaku yang terlibat tersebut dan untuk memahami makna sebenar bahasa pantang larang ini, pendengar perlu mentafsirkan makna tersebut secara analitis dan mendalam.

Dari sudut teori Relevans, ujaran “*tidak boleh memotong kuku pada waktu malam, nanti pendek umur*” ternyata memberikan kesan yang relevans secara optimum dan setiap interpretasi yang optimum membolehkan pendengar mencapai kesan kognitif yang tinggi. Input yang ostensif sebegini khusunya ujaran bahasa pantang larang “**pendek umur**” dapat menarik perhatian pendengar dan tidak memerlukan pendengar berusaha lebih dalam memproses ujaran bahasa pantang ini bagi mencapai kesan yang dimaksudkan. Menurut Sperber & Wilson

(1995:49), dalam proses penginterpretasian ujaran ataupun maklumat, kognisi manusia sentiasa terarah untuk mencapai kesan kognitif yang sebanyak mungkin dengan usaha memproses yang sedikit mungkin. Selain itu, berdasarkan prinsip kognitif relevans, kognisi manusia cenderung untuk mencapai relevans yang optimum iaitu memahami sebenar ujaran yang disampaikan dengan mudah tanpa melibatkan kos memproses yang tinggi. Hakikatnya, ujaran frasa “*pendek umur*” bukanlah maksud yang sebenar dan ia hanya bentuk bahasa yang digunakan untuk menakut-nakutkan golongan kanak-kanak atau pelaku yang terlibat dan melarang mereka daripada melakukan perbuatan memotong kuku pada waktu malam. Bagaimanapun, input atau rangsangan “*pendek umur*” ternyata lebih mudah diproses tanpa memerlukan kos memproses yang tinggi. Secara relatifnya, ujaran “*pendek umur*” merupakan bentuk frasa yang ostensif yang dapat menarik perhatian pendengar sesuai dengan tahap kebolehan kanak-kanak.

Dari sudut pandangan teori Relevans, penutur Melayu yang bermatlamatkan maklumat yang disampaikannya difahami sepenuhnya dengan mudah, mereka menggunakan bahasa pantang larang yang bersandarkan objek dan peristiwa yang paling ostensif misalnya terkena bisul, dan pendek umur seperti yang terdapat dalam data di atas. Bentuk bahasa atau kod yang digunakan ini bertujuan untuk menarik perhatian pendengar dan menimbulkan kesan kognitif yang tinggi.

### Bahasa Pantang Larang untuk Dewasa

Bahasa pantang larang yang digunakan pada fasa dewasa sama ada lelaki atau perempuan dikelaskan mengikut situasi khusus iaitu perbuatan dan tingkah laku harian, semasa tidur, bangun dari tidur, bertunang dan berhias. Bahasa pantang larang yang digunakan untuk fasa dewasa yang melibatkan lelaki dan perempuan ini bertujuan untuk memberikan pengajaran dan didikan kepada golongan dewasa ini supaya mematuhi adab dan tingkah laku mereka daripada melakukan perbuatan yang bertentangan dengan adab dan norma masyarakat. Bahasa pantang larang untuk golongan ini melibatkan semua pelakuan atau aktiviti dalam kehidupan seharian. Antara contoh bahasa pantang larang bagi fasa orang dewasa mengikut pengelasan bahasa pantang larang ke atas lelaki dan perempuan adalah seperti berikut:

### Bahasa Pantang Larang Untuk Lelaki Dewasa

- i. Kencing di atas busut dikatakan **buruk kemaluan**. (hlm. 27)
- ii. Bersiul di dalam rumah dikatakan rumah akan akan **dimasuki ular**. (hlm. 27)

#### i. Kencing di atas busut dikatakan **buruk kemaluan**.

Bahasa pantang larang pertama bagi fasa dewasa iaitu “*kencing di atas busut dikatakan buruk kemaluan*” merupakan ungkapan yang digunakan atas tujuan dan dasar tertentu. Kencing di atas busut merupakan satu perbuatan yang tidak baik. Menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua (2016), busut merupakan tanah yang berlonggok seperti bukit dan merupakan sarang atau rumah anai-anai. Anak-anak tidak kira kecil mahupun besar dilarang kencing di atas busut kerana ia merupakan amalam yang tidak sopan dan tidak beradab. Selain itu, busut merupakan sarang yang dihuni oleh anai-anai yang merupakan makhluk yang bernyawa. Sekiranya tanah tersebut terkena air akan menyebabkan kemusnahan pada sarang tersebut kerana sarang tersebut sangat mudah untuk runtuh atau hancur apabila disimbah atau disiram air. Hal ini akan mengancam kehidupan haiwan tersebut sekiranya tempat tinggal haiwan tersebut dimusnahkan oleh manusia yang tidak bertanggungjawab. Ternyata bahasa pantang larang ini terhasil dan dicipta bertujuan untuk mendidik golongan dewasa dan pelaku yang terlibat untuk menjaga adab dan bertingkah laku yang baik dan bertanggungjawab dalam memelihara dan menjaga kehidupan alam sekitar.

Jika ujaran seperti “*kencing di atas busut nanti sarang tersebut musnah*” digunakan kepada golongan dewasa ini atau pelaku yang terlibat pastinya ujaran ini tidak langsung memberikan apa-apa kesan pada mereka. Ujaran “*kencing di atas busut dikatakan buruk kemaluan*” adalah lebih terkesan pada golongan dewasa ini atau pelaku yang terlibat kerana adanya penggunaan frasa “**buruk kemaluan**” iaitu suatu kesan atau akibat yang sangat memudaratkan dan boleh membahayakan kesihatan. Kemaluan merupakan alat kelamin yang terdapat pada setiap manusia tidak kira lelaki mahupun perempuan dan merupakan salah satu anggota badan yang sulit (Kamus Pelajar Edisi Kedua, 2016). Selain itu, kemaluan juga melibatkan anggota badan yang mengeluarkan segala bahan pencernaan

di dalam perut. Sekiranya bahagian tersebut dijangkiti penyakit atau dengan kata lain “*buruk kemaluan*” sesiapa yang terkena penyakit tersebut perlu menjalani rawatan dan mengambil masa yang lama untuk pulih dan sihat seperti sedia kala. Ujaran “*kencing di atas busut dikatakan buruk kemaluan*” secara literal tidak bermaksud sedemikian iaitu “*buruk kemaluan*”, sebaliknya ia hanya digunakan sebagai sandaran untuk menakut-nakutkan dan mendidik golongan dewasa ini atau pelaku yang terlibat agar tidak melakukan perbuatan kecing di atas busut.

Berdasarkan teori relevans, ujaran “*kencing di atas busut dikatakan buruk kemaluan*” dilihat mampu memberikan kesan kognitif yang tinggi serta mencapai relevans yang optimum. Frasa sandaran “*buruk kemaluan*” yang digunakan bukanlah tujuan yang sebenar yang ingin disampaikan, ia adalah bentuk frasa yang digunakan untuk dijadikan sandaran untuk memberikan kesan kognitif yang tinggi kepada pendengar. Kesan kognitif ini dicapai dengan kos memproses yang rendah. Dalam usaha memproses sesuatu ujaran, kos dapat dijimatkan kerana pendengar akan berhenti memproses sesuatu ujaran apabila maksud yang cuba disampaikan oleh penutur dapat diinterpretasikan seperti yang dihajatkan oleh penutur. Melalui ujaran “*kencing di atas busut dikatakan buruk kemaluan*” ini, usaha memproses menjadi rendah kerana penutur menyampaikan maksudnya dengan jelas dengan mengekodkan ujaran frasa sandaran “*buruk kemaluan*” melalui representasi semantik yang dijadikan input untuk usaha memproses selanjutnya.

## ii. Bersiul di dalam rumah dikatakan rumah akan akan dimasuki ular.

Bahasa pantang larang yang ketiga bagi fasa dewasa yang dipilih iaitu “*bersiul di dalam rumah dikatakan rumah akan dimasuki ular*” merupakan bentuk bahasa pantang larang yang digunakan dengan tujuan dan sebab-sebab tertentu juga. Bersiul ialah perlakuan menghembuskan udara pada mulut yang bertujuan untuk menghasilkan bunyi (Kamus Pelajar Edisi Kedua, 2016). Sebahagian masyarakat Melayu mempercayai bahawa perbuatan bersiul di dalam rumah akan menyebabkan ular memasuki rumah. Perbuatan bersiul ini sering kali dilihat dilakukan oleh golongan dewasa atau anak remaja dengan tujuan untuk menghiburkan hati mereka. Malah, terdapat juga anak-anak gadis yang melakukan perbuatan bersiul ini dan hal ini jelas tidak sopan bagi anak gadis. Bahasa pantang larang

ini juga terhasil mungkin kerana pegangan agama Islam masyarakat tersebut pada masa itu. Dalam ajaran agama Islam hal ini turut dijelaskan dalam ayat Al-Quran (suruh Al-Anfal:35) “*Dan tiadalah sembahyang mereka di sisi Baitullah itu melainkan bersiul-siul dan bertepuk tangan*”. Ayat Al-Quran ini merujuk sikap buruk para Jahiliyah yang suka melakukan perbuatan bersiul dan bertepuk tangan ketika beribadat dan perbuatan tersebut telah menjadi budaya masyarakat orang kafir yang tidak seharusnya diikuti oleh masyarakat yang beragama Islam. Sabda Rasullah S.A.W berkata “*Barangsiapa yang menyerupai sesuatu kaum maka ia termasuk golongan mereka*”. Oleh sebab masyarakat dahulu sangat kuat pegangan agama Islam mereka, bahasa pantang larang ini dihasilkan sedemikian rupa bagi melarang golongan dewasa atau pelaku terlibat agar tidak bersiul-siul di dalam rumah. Bahasa pantang larang ini dikaitkan dengan rumah sebagai subjeknya kerana rumah merupakan tempat tinggal manusia. Menurut kepercayaan agama Islam, rumah bukan hanya didiami oleh manusia malah malaikat juga dikatakan sentiasa ada untuk melindungi penghuni di dalam rumah tersebut. Dalam agama Islam setiap penghuni rumah seharusnya sentiasa menjaga ibadah seperti menunaikan solat, membaca al-quran dan sentiasa berzikir agar rumah sentiasa didatangi malaikat. Namun, jika penghuni rumah tidak mengamalkan perkara tersebut sebaliknya melakukan perbuatan bersiul yang dikatakan menyerupai tingkah laku dalam ibadat golongan kafir maka tentunya ia boleh mengundang perkara yang tidak baik pada diri atau rumah yang didiami mereka. Dengan kata lain bahasa pantang larang ini digunakan dengan tujuan untuk mendidik dan menjaga tingkah laku golongan dewasa ini daripada melakukan perbuatan sia-sia tersebut.

Jika golongan ini dinasihati hanya dengan menggunakan ujaran seperti “*bersiul di dalam rumah nanti rumah tidak akan dimasuki malaikat*” pastinya ujaran tersebut tidak memberikan kesan kepada golongan dewasa ini. Ujaran “*bersiul di dalam rumah dikatakan rumah akan dimasuki ular*” ternyata lebih memberikan kesan yang menakutkan dengan adanya frasa sandaran “*dimasuki ular*”. Ular ialah haiwan yang sangat berbisa dan boleh membawa maut pada sesiapa yang terkena gigitannya yang berbisa itu. Umum mengetahui bahawa binatang ini merupakan binatang berbisa yang paling ditakuti dan boleh membunuh manusia. Ujaran “*bersiul di dalam rumah dikatakan rumah akan dimasuki ular*” secara literalnya tidak

memberikan maksud sedemikian iaitu “*dimasuki ular*”, sebaliknya ia digunakan hanya sebagai sandaran untuk memberikan didikan dan pengajaran kepada manusia atau pelaku perbuatan tersebut.

Dari sudut teori Relevans, ujaran “*bersiul di dalam rumah dikatakan rumah akan “dimasuki ular”* ternyata merupakan merupakan ransangan yang cukup relevans dengan kemampuan dan keupayaan pendengar untuk memproses ujaran tersebut. Frasa sandaran “*dimasuki ular*” bukanlah sebab yang sebenar, sebaliknya ia berupa bentuk atau kod bahasa yang digunakan untuk memberikan kesan dan kefahaman kepada masyarakat atau pelaku yang terlibat dalam situasi tersebut.

Dari sudut pandangan teori Relevans, penutur Melayu yang bermatlamatkan maklumat yang disampaikannya difahami sepenuhnya dengan mudah menggunakan bahasa pantang larang yang bersandarkan objek dan peristiwa yang paling ostensif misalnya buruk kemaluan dan dimasuki ular seperti yang terdapat dalam data di atas. Hal ini kerana, bentuk bahasa atau kod yang digunakan sebagai tujuan untuk menarik perhatian pendengar dan menimbulkan kesan kognitif yang tinggi ialah bentuk yang paling ostensif sesuai dengan pengalaman dan latar belakang serta kemampuan kognitif pendengar. Hal ini juga membolehkan kesan kognitif yang tinggi dapat dicapai kerana kos memproses ujaran ini tidak tinggi.

### Bahasa Pantang Larang ke Atas Perempuan

- i. Bercelak pada waktu malam dikatakan dengan berbuat demikian dipercayai rupa boleh menjadi hantu. (hlm. 30)
- ii. Makan bertindih pinggan dikatakan jadi madu orang. (hlm. 32)
  
- i. Bercelak pada waktu malam dikatakan dengan berbuat demikian dipercayai rupa boleh menjadi hantu.

Pantang larang seterusnya ialah bahasa pantang larang bagi fasa dewasa orang perempuan iaitu “*bercelak pada waktu malam dikatakan dengan berbuat demikian dipercayai rupa boleh menjadi hantu*”. Penggunaan bahasa pantang ini tentunya atas tujuan yang tertentu juga. Celak merupakan habuk hitam yang digunakan untuk mewarnai kening, bulu mata atau

dipakai dan dilukis di keliling mata (Kamus Pelajar Edisi Kedua, 2016). Golongan perempuan dilarang dan ditegah melakukan perbuatan bercelak pada waktu malam kerana faktor keadaan pada masa dahulu yang tiada bekalan elektrik dan hanya diterangi oleh cahaya lilin dan pelita sahaja pada waktu malam. Hal ini menyebabkan penglihatan pada waktu malam menjadi kabur, samar-samar dan ia akan menjadi kurang jelas untuk melakukan sesuatu aktiviti atau perbuatan. Faktor keadaan ketika itu yang menyebabkan terhasilnya bahasa pantang larang ini agar golongan dewasa terutamanya kaum perempuan tidak menggunakan celak pada waktu malam bagi mengelak sesuatu perkara yang buruk berlaku. Bahasa pantang ini sebenarnya dicipta dan dihasilkan dengan tujuan untuk menghindarkan berlakunya kemalangan atau perkara yang tidak diingini. Misalnya oleh sebab keadaan suasana agak gelap atau samar pada waktu malam yang hanya diterangi oleh cahaya pelita sahaja maka perbuatan bercelak akan mengundang bahaya dan mungkin habuknya memasuki mata.

Namun, sekiranya ungkapan seperti “*bercelak pada waktu malam dikatakan dengan berbuat demikian akan menyebabkan mata comot*” ternyata ungkapan ini tidak terkesan pada golongan dewasa itu. Namun sekiranya ujaran seperti “*bercelak pada waktu malam dikatakan dengan berbuat demikian dipercayai rupa boleh menjadi hantu*” tentunya ungkapan ini akan lebih terkesan pada golongan dewasa perempuan agar lebih berhati-hati atau tidak berbuat demikian pada waktu malam. Hal ini kerana, dengan adanya frasa sandaran “*menjadi hantu*” yang merujuk makhluk yang dikatakan mempunyai wajah yang sangat hodoh dan ditakuti oleh manusia pastinya membuatkan pendengar tidak lagi berfikir panjang dan mempersoalkan hal ini. Hantu merupakan makhluk ciptaan Allah yang wujud di alam lain dan hanya terdapat sesetengah manusia yang diberikan kelebihan untuk melihat makhluk-makhluk seperti itu. Namun demikian, ujaran “*bercelak pada waktu malam dikatakan dengan berbuat demikian dipercayai rupa boleh menjadi hantu*”, secara literalnya tidak memberikan maksud sedemikian, sebaliknya ujaran tersebut digunakan hanyalah untuk menakut-nakutkan dan menasihati golongan dewasa perempuan agar tidak melakukan perbuatan mencelak pada waktu malam kerana dikhuthiri boleh mendatangkan kecelakaan atau kemudaratian pada diri mereka.

Dari sudut pragmatik, khususnya teori Relevans dengan mengambil kira prinsip kognitif dan prinsip komunikatif, setiap ujaran yang mampu memberikan ransangan yang ostensif kepada pendengar dapat menjamin relevans yang optimum (Sperber & Wilson, 1995:260). Hal ini berlaku kerana pendengar berkecenderungan untuk hanya memilih maklumat yang paling relevans dalam persekitaran mereka dan berusaha untuk memproses input tersebut bagi memahami ujaran dengan lebih jelas. Ujaran “*bercelak pada waktu malam dikatakan dengan berbuat demikian dipercayai rupa boleh menjadi hantu*”, ternyata merupakan suatu tingkah laku yang ostensif dan berbaloi untuk diproses bagi mencapai relevans yang optimum. Dengan kata lain, pendengar akan dapat memahami maksud ujaran ataupun ungkapan penutur dengan mudah dan tidak mengambil masa yang lama untuk memproses ujaran ini. Frasa sandaran “*menjadi hantu*” yang digunakan dalam ujaran bahasa pantang larang ini bukanlah bermaksud seperti ujaran tersebut, sebaliknya frasa sandaran ini digunakan sebagai bentuk kata yang dikodkan sebagai satu ransangan kepada mental dan kognisi manusia yang lebih cenderung kepada sesuatu perkara yang dianggap relevans dan diterima oleh akal mereka. Hal ini kerana, frasa sandaran ini digunakan sebagai simbol atau objek untuk menakut-nakutkan dan melarang golongan ini daripada melakukan perbuatan mencelak pada waktu malam yang boleh mendatangkan kecelakaan pada diri mereka sendiri. Tenyata ujaran ini mampu menyampaikan matlamat penutur dari sudut teori relevans kerana ujaran ini mampu difahami oleh pendengar dan memudahkan pendengar untuk memproses maklumat tersebut tanpa memerlukan kos memproses yang tinggi.

ii. **Makan bertindih pinggan dikatakan jadi madu orang.**

Bahasa pantang larang yang kedua iaitu “*makan bertindih pinggan dikatakan jadi madu orang*” juga merupakan bahasa pantang larang yang terhasil atas sebab dan faktor tertentu. Makan bertindih pinggan merujuk perbuatan daripada menggunakan dua atau lebih pinggan yang ditindih antara satu sama lain sama ada pinggan tersebut sudah digunakan ataupun belum. Sebenarnya larangan bertujuan untuk menjaga batas kesopanan seseorang semasa makan kerana tidak sopan jika seseorang dilihat menggunakan banyak pinggan ketika makan. Hal ini seolah-olah menunjukkan sifat tamak pada diri seseorang itu.

Sekiranya ujaran tersebut hanyalah berbentuk seperti “*makan bertindih pinggan dikatakan tidak sopan*” tentunya ujaran ini tidak memberikan apa-apa kesan pada diri pelaku yang terlibat daripada melakukan perbuatan tersebut. Oleh itu, bagi menghasilkan sesuatu yang bermakna maka bahasa pantang larang “*makan bertindih pinggan dikatakan jadi madu orang*” dicipta untuk memberikan makna yang lebih mendalam kepada mereka. Hal ini kerana ujaran ini merupakan bentuk yang ostensif kerana adanya frasa sandaran “*madu orang*” yang merujuk suatu perkara yang tidak disukai oleh mana-mana wanita yang bergelar isteri. Ujaran “*madu orang*” merujuk seorang isteri berkongsi kasih sayang seorang suami dengan wanita lain yang juga isteri kepada suaminya. Ujaran “*makan bertindih pinggan dikatakan jadi madu orang*” bagaimanapun secara literalnya tidak bermaksud sedemikian. Ujaran “*madu orang*” hanyalah satu bahasa yang dikodkan dan dijadikan sandaran untuk menakut-nakutkan golongan dewasa ini atau pelaku yang terlibat agar tidak melakukan perbuatan tersebut. Justeru itu, bahasa pantang larang ini digunakan untuk mendidik adab dan tingkah laku seseorang ketika makan.

Teori Relevans sangat mementingkan aspek kesan kognitif yang tinggi untuk memahami sesuatu ujaran serta memerlukan kos memproses maklumat yang rendah untuk mencapai tahap relevans yang optimum. Kerelevanan yang optimum bergantung pada tahap pemahaman seseorang itu tentang sesuatu ujaran yang disampaikan oleh penutur. Merujuk bahasa pantang larang “*makan bertindih pinggan dikatakan jadi madu orang*”, kesan kognisi yang dicapai adalah tinggi kerana ujaran ini mudah untuk difahami oleh pendengar. Hal ini kerana, frasa “*dikatakan jadi madu orang*” bukan kod atau bentuk bahasa yang sukar difahami sebaliknya frasa yang digunakan dalam komunikasi harian. Cuma “*madu orang*” merupakan bentuk kata yang memberikan implikasi yang menakutkan pada ramai perempuan. Justeru, kesan kognisi yang tinggi akan menyebabkan tahap memproses maklumat menjadi singkat dan sekali gus pendengar dapat mencapai tahap kerelevanan yang optimum.

Secara keseluruhannya, dari sudut pandangan teori Relevans, penutur Melayu yang bermatlamatkan maklumat yang disampaikannya mudah difahami dengan jelas dan dapat memberikan kesan kognitif yang tinggi menggunakan bahasa pantang larang yang bersandarkan objek dan peristiwa yang paling ostensif misalnya menjadi hantu, dan madu orang

seperti yang terdapat dalam data di atas sebagai satu bentuk bahasa dan kod yang bertujuan untuk menarik perhatian pendengar dan membolehkan pendengar mencapai relevans yang optimum.

## Kesimpulan

Kesimpulannya, bahasa pantang larang yang tercipta yang telah diamalkan oleh masyarakat dahulu terhasil atas faktor dan sebab-sebab tertentu. Antara faktor dan sebab terhasilnya sesebuah bahasa pantang larang itu adalah untuk mendidik masyarakat terutamanya dalam menjaga adab dan tingkah laku di samping bertujuan juga untuk menjaga keselamatan dan kesejahteraan diri mereka. Bahasa pantang larang yang digunakan ini bukan sahaja untuk memberikan peringatan malah dapat memberikan didikan kepada golongan yang terlibat terutamanya golongan remaja, golongan dewasa atau orang tua supaya berkelakuan baik, bersopan santun, saling hormat menghormati, menjaga keselamatan diri dan tekun dalam melakukan sebarang pekerjaan.

Namun, di sebalik terhasilnya bahasa pantang larang yang didasari oleh sebab atau prinsip tertentu serta mampu memberikan kesan dan ransangan kepada pendengar ialah kandungan maksudnya yang tersirat di sebalik penggunaan bahasa pantang larang tersebut. Untuk mengetahui maksud di sebalik terhasilnya sesebuah bahasa pantang larang tersebut, pendekatan pragmatik iaitu teori relevans digunakan sebagai asas kajian ini.

Data yang dianalisis memperlihatkan hubungan prinsip kognitif dan prinsip komunikatif mendasari penghasilan bahasa pantang larang masyarakat Melayu ini. Perkaitan bahasa pantang larang dengan teori Relevans adalah satu kajian yang menarik kerana kajian tersebut dapat membuatkan pengkaji lebih faham akan kandungan dalam pragmatik. Dari perspektif teori Relevans, prinsip Relevans kognitif merupakan teori yang menganggap interpretasi ujaran sebagai proses mental manusia iaitu kognisi manusia yang cenderung untuk memaksimumkan Relevans. Prinsip relevans komunikatif pula dapat memberi rangsangan ostensif bagi menyampaikan andaian yang cukup optimum kerana pendengar berpendapat bahawa setiap rangsangan yang ostensif berbaloi diproses untuk mencapai relevan yang optimum (Hasmidar Hassan, 2017:2-3).

Teori Relevans sangat menekankan kepentingan ujaran yang disampaikan mestilah mudah difahami dan mengambil masa yang singkat untuk memproses makna ujaran tersebut oleh pendengar. Terdapat dua perkara yang ditekankan dalam teori ini, iaitu kesan atau ransangan yang paling relevans melalui input atau maklumat yang diterima oleh pendengar untuk diproses bagi memahami maknanya dan sekaligus dapat mencapai relevans yang paling optimum (Speber & Wilson, 1995:266-278). Berdasarkan teori Relevans, relevans yang optimum dicirikan oleh ransangan ostensif yang paling relevans yang disampaikan oleh penutur dalam batas keupayaan dan pilihan penutur. Penutur perlu menjadikan ransangan ostensif tersebut semudah mungkin bagi pendengar memahaminya dan menyediakan bukti yang bukan hanya untuk kesan kognitif yang dihajati untuk dicapai, tetapi juga sebagai kesan kognitif seterusnya yang perlu untuk menarik perhatian pendengar memahami matlamatnya. Hal ini kerana penutur itu sendiri bermatlamatkan maklumat yang disampaikannya difahami. Apabila penutur menghasilkan ransangan ostensif yang paling relevans, yang menimbulkan kesan yang banyak, maka usaha memproses yang diperlukan adalah sedikit (Speber & Wilson, 1995:266-278). Atau dengan kata lain, sekiranya pendengar memahami bahasa pantang larang tersebut secara mudah dan jelas, maka kos memproses maklumat bagi ujaran tersebut dianggap rendah.

Berdasarkan analisis yang telah dijalankan dalam bahagian ini jelas menunjukkan bahawa setiap bahasa pantang larang yang dicipta dan dihasilkan itu didasari atas sebab dan prinsip serta tujuannya tertentu. Di samping itu, bahasa pantang larang ini dilihat mampu memberikan kesan yang tinggi kepada pendengar dengan adanya penggunaan bentuk kata sandaran, iaitu merujuk kepada bentuk bahasa atau kod yang digunakan dan dijadikan sebagai unsur untuk menakut-nakutkan dan memberikan nasihat. Misalnya, penggunaan bentuk bahasa atau kod bahasa sandaran seperti *hantu*, *mati*, *bisu* dan *sebagainya* mampu menjadikan pendengar atau golongan manusia yang terlibat takut dan tidak berani untuk melakukan perbuatan tersebut. Walaupun penggunaan bentuk bahasa atau kod seperti itu bukanlah membawa maksud secara literalnya, namun digunakan untuk mencapai kesan dan ransangan tersebut dengan cepat kepada pendengar.

Jelaslah bahawa bahasa pantang larang telah membawa pengaruh besar dalam kehidupan masyarakat Melayu dahulu dan mempunyai implikasi yang positif dalam membentuk disiplin ahli masyarakat. Kesan yang positif akan dapat merangka satu pemikiran yang relevan terhadap apa juar perbuatan dan tindakan yang hendak dilakukan.

## Rujukan

- Abd. Naddin Hj. Shaiddin et. al. (2013). *Adat Resam dan Pantang Larang Suku Kaum di Sabah*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Jalaluddin. (2017). *Modul Pembinaan Karakter Berbasis Religi (PKBR) Tahun Akademik 2017/2018*. Indonesia. Terbitan Fakultas Ilmu Administrasi Universitas Brawijaya.
- Aishah@Eshah Haji Mohamed & Abd. Aziz Hj. Bidin. (2012). *Penjagaan kesihatan wanita semasa dalam pantang: Amalan dan Kepercayaan*. Selangor. Terbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ani Haji Omar. (2014). *Pantang Larang Dalam Kalangan Orang Melayu: Analisis Dari Perspektif Teori SPB4K*. Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anis, Mohd Aris and Esa & Ahmad. (2012). *Komunikasi berimplikatur: fungsi dan peranannya dalam masyarakat Melayu tradisional berdasarkan teks sejarah Melayu*. Seminar Pendidikan Melayu Antarabangsa, 29-31 Mac 2012. Putrajaya.
- Azlinah Ahmad. (2011). *Unsur Eufemisme Dalam Novel Interlok Edisi Khas Sasterawan Negara:Analisis Semiotik*. Diakses pada 2 Jan 2018 daripada <https://docslide.net/documents/tugasan-bahasa-autosaved.html>
- Azyantee Mohd Zawawi. (2014). *Amalan Tabu Suku Mah Meri Tanjung Sepat, Banting Selangor*. Selangor. Terbitan Universiti Putra Malaysia.
- Gutt, E.A. (1991). *Translation and Relevance: Cognition and Context*. Oxford: Basil Blackwell.

- Habsah Mohd Noordin. (2005). *Pantang Larang dan Petua Orang Tua*. Jabatan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Negeri Perak.
- Hamidah Abdul Wahab. (2013). *Petua dan Pantang Larang Tradisional dalam Alam Melayu Sarawak*. International Journal of the Malay World and Civilization, 1 (1). pp. 89-97. Selangor. Terbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hasmidar Hassan. (2009). *Kelestarian Bidang Terjemahan*. Kuala Lumpur. Persatuan Penterjemahan Malaysia.
- Hasmidar Hassan. (2011). *Kata Hubung “Dan” dan “Tetapi” dari Sudut Pragmatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasmidar Hassan. (2014). Ucap Selamat, Ungkapan Anomali Namun Dimengerti dalam Komunikasi: Penjelasan Dari Perspektif Pragmatik. *Jurnal Bahasa* (Volume 13, No. 2, 2013, Pages 259 to 272). Universiti Sains Malaysia
- Hasmidar Hassan. (2017). *Hubungan Prinsip Relevans Komunikatif dengan Kognitif Masyarakat Melayu dalam Penghasilan Bahasa Pantang Larang. Satu Analisis Pragmatik*. Persidangan Antarabangsa Pengajian Kemanusiaan 24-25 Mei 2017. Kota Kinabalu, Sabah.
- Hartini Mohd Ali & Normaliza Abd Rahim. (2017). *Perlambangan Kata Kerja Dalam Lirik Lagu “Bebaskan” Berdasarkan Teori Relevans*. *Journal of Business and Social Development* (Volume 5 Number 1, March 2017: 102-111). Universiti Malaysia Terengganu.
- Haji Mokhtar H. Md. Dom. (1997). *Kepercayaan dan Pantang Larang*. Kuala Lumpur: Federal Publication.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2005). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Pelajar Edisi Kedua*. (2016). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mary Fatimah Subet. (2012). *Teori Relevans dalam Personifikasi. Pemantapan dan Pembinaan Ilmu Linguistik Berdasarkan Korpus* (pg 207-223). Selangor. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

*Bahasa Pantang Larang Masyarakat Melayu dan Hubungannya Dengan  
Prinsip Relevans Kognitif dan Prinsip Relevans Komunikatif*

- Mary Fatimah Subet. (2015). *Sajak “Pelacur Tua”: Analisis Teori Relevans*. Jurnal Bahasa Jilid 15 Bil. 1 2015. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Anuar Ramli & Syamsul Azizul Marinsah. (2014). *Kepercayaan Kenan dalam Masyarakat Melayu: Kajian dari Perspektif Hukum Islam*. Kuala Lumpur. Terbitan Universiti Malaya.
- Mohd. Yusof Hasan. (2000). *Pemikiran saintifik SPB4L*. Petaling Jaya: Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd.
- Muhammad Fauzi Jumingan. (2002). *Penterjemahan Pragmatik dalam Konsep Masa Arab-Melayu: Satu Analisis Teori Relevan*. Selangor. Universiti Putra Malaysia Press.
- Muhammad Fauzi Jumingan. (2004). *Penterjemahan Simpulan Bahasa Arab-Melayu: Satu Analisis Teori Relevans*. Selangor. Universiti Putra Malaysia Press.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2003). *Bahasa dalam Perniagaan: Satu Analisis Semantik dan Pragmatik*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin & Norsimah Mat Awal. (2006). *Citra Lelaki Dulu Dan Kini Dalam Prosa Melayu: Analisis Teori Relevans*. Kuala Lumpur. Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hayati Mohd Shaharim. (2008). *Pemikiran Melayu Dalam Adat dan Pantang Larang. Latihan Ilmiah*. Selangor. Universiti Putra Malaysia.
- Nur Hafizah Razali & Normaliza Abd Rahim. (2016). *Makna Ujaran Masyarakat Banjar Dari Sudut Pragmatik*. Journal of Business and Social Development Volume 4 Number 1, March 2016: 55-64. Terengganu. Penerbit Universiti Malaysia Terengganu.
- Panel Penulis. (2013). *Adat Resam dan Pantang Larang Suku Kaum di Sabah*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Radik Taim. (2013). *Adat Resam dan Pantang Larang Suku Kaum di Sabah*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Rahim Syam dan Norhale. (1985). *Mendekati Kebudayaan Melayu*. Selangor. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Rahimi H. et. al. (2003). *Adakah Pantang Larang Pemakanan Di Kalangan Orang Asli Mempengaruhi Tahap Kesihatan Ibu Dan Anak: Pengalaman Daerah Kuala Lipis* Malaysian Journal of Public Health Medicine (Volume 3, No. 1, 2003, Pages 73 to 77).
- Sabariah Abdullah. (2005). *Adat perkahwinan Melayu*. Selangor. Terbitan Pustaka Cahaya Intelek.
- Salmah Omar. (2016). *Pantang Larang Makanan Masyarakat Melanau Sarawak*. International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman) 1(1), 2013: 8H9 a- m97.
- Siti Hajar Abdul Aziz. (2008). *Bahasa Melayu 1*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Sperber & Wilson. (1995). *Relevance Communication & Cognition (Second Edition)*. Blackwell Publisher Ltd. United Kingdom.
- Sperber & Wilson. (2002). *Relevance Theory*. Diakses pada 2 Jan 2018 daripada [http://www.phon.ucl.ac.uk/publications/WPL/02papers/wilson\\_sperber.pdf](http://www.phon.ucl.ac.uk/publications/WPL/02papers/wilson_sperber.pdf)
- Strauss & Corbin. (1997). *Grounded theory in practice*. United State. Sage Publication.
- Sumalan, Sri Pamungkas & Ratna. (2017). *Pemahaman dan Kajian Pragmatik*. Indonesia. Penerbitan Buku Katta.
- Yahya Othman. (2005). *Trend dalam Pengajian Bahasa Melayu*. Pahang. PTS Publications & Distributora Sdn. Bhd.
- Yuslinda Rejab. (2003). *Pantang larang dalam kehidupan wanita Melayu: satu kajian di Kampung Hutan Lembah, Mata Ayer, Perlis Indera Kayangan*. Kuala Lumpur. Universiti Malaya Publisher.
- Wan Hasnah Wan Mohamad. (1978). *Adat dan upacara menyambut kelahiran bayi serta pantang larang ibu bersalin: Tumpuan kajian di Kampung Baung Kelantan*. Selangor. Terbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.

*Bahasa Pantang Larang Masyarakat Melayu dan Hubungannya Dengan  
Prinsip Relevans Kognitif dan Prinsip Relevans Komunikatif*

- Wan Ramli Wan Muhammad (1999). *Pantang Larang Orang Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Utusan Publicatios & Distributors Sdn Bhd. Kuala Lumpur. Universiti Kebangsaan Malaysia Publisher.
- Wong Shia Ho. (2013). *Keharmonian Kaum Dalam Ucapan Tunku Abdul Rahman: Analisis Teori Relevans*. Jurnal Penyelidikan IPG KBL, Jilid 11.